

18/03/2004

Kepemimpinan baru pikat pengundi: Najib

Zainudin Isa; Sariha Mohd Ali; Osman Lisut

KUANTAN: Datuk Seri Najib Razak menganggap pilihan raya umum kali ini sebagai pilihan raya `baru' kerana menampilkan barisan kepemimpinan baru bagi membolehkan pengundi membuat pilihan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kepemimpinan baru yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, nyata mencetuskan minat orang ramai dan pengundi, terutama beberapa perubahan polisi yang dilaksanakan.

"Umumnya, orang ramai sangat berminat dengan perubahan (dasar) dan mereka rasa perubahan ini akan bawa Malaysia ke arah lebih baik dan kuat lagi.

"Kita lihat polisi yang dibawa Perdana Menteri menggembirakan pengundi seperti isu memerangi rasuah, penyalahgunaan kuasa, kerajaan telus dan berhemah. Semua ini berada di landasan betul dan orang ramai beri maklum balas cukup positif," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan majlis pecah tanah loji polybutylene terephthalate (PBT) di Kawasan Perindustrian Gebeng dekat sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Marican; Presiden BASF South East Asia Pte Ltd, Dr Harald Lauke dan Ahli Lembaga Pengarah Toray, Hitoshi Morino.

Najib diminta mengulas ucapannya sebelum itu yang menyebut bahawa pilihan raya kali ini berbeza dan amat penting untuk rakyat memberi mandat kepada Abdullah, sekali gus menterjemahkan manifesto yang dibawa BN.

Ditanya sama ada gandingan baru membabitkannya dengan Abdullah itu boleh dianggap satu referendum untuk menarik sokongan rakyat, Najib berkata:

"Ya... kita boleh anggap ini satu pilihan raya baru kerana kita menawarkan kepemimpinan negara yang baru.

"Malah, ramai pengundi yang saya temui termasuk pengundi baru dan mereka yang sebelum ini tidak pernah menyokong BN, kini mahu beralih kepada kita."

Dalam ucapannya, beliau berkata, kejayaan kerajaan BN mentadbir dan membangunkan negara dimulai oleh kejayaan Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang berjaya memupuk semangat perpaduan kaum.

Selepas itu katanya, Malaysia muncul menjadi negara industri melalui kepemimpinan negara yang diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri keempat.

"Sebenarnya, kita diberi rahmat oleh Allah kerana memiliki pemimpin yang sesuai mengikut peredaran zaman.

"Hari ini pula, kita dapat seorang Perdana Menteri (Abdullah) yang ikhlas, berwawasan dan sebab itu pilihan raya ini amat penting untuk rakyat membuat penilaian. Melalui penilaian ini, kita (pengundi) beri mandat kepadanya," katanya.

Beliau berkata, pengundi tidak sepatutnya memilih kerajaan hanya berdasarkan ciri luarannya seperti tertarik dengan slogan dan simbol parti, tapi kejayaan dan kecemerlangan yang dilaksanakannya.

"Ini berlainan dengan kerajaan BN kerana apabila kita membuat sesuatu janji, kita berpijak di bumi nyata," katanya.

Pada majlis Ramah Mesra Ketua Masyarakat Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Tun Razak Temerloh pula Mohd Najib meminta pengundi bertindak bijak dengan menjadikan sejarah negara sebagai pedoman.

"Sejarah itu adalah satu asas yang sangat baik digunakan sebagai satu kemungkinan oleh pengundi bagi mengenali seseorang calon atau sesebuah parti bagaimana mereka mentadbir negara.

"Sejarah membuktikan pemimpin lalu bersusah payah mencari kemerdekaan daripada penjajah dan apabila berjaya, mereka berusaha keras memajukan negara. Kenapa pula kita begitu mudah menghancurkan usaha keras berkenaan dengan memilih calon atau parti yang belum terbukti rekod pencapaiannya, kecuali Barisan Nasional," katanya.

Berucap di hadapan kira-kira 2,000 kakitangan kerajaan dan penyokong BN, Najib berkata, untuk mencapai kemajuan sehingga ke tahap hari ini bukanlah senang, tetapi mudah untuk merosakkan atau menghancurkan negara.

"Buat apa kita hendak memilih mereka yang belum tentu terbukti rekod pencapaiannya. Jadi, pilihlah calon yang berkeelayakan dan kerajaan yang benar-benar mampu memastikan kesinambungan kemajuan ini dikekalkan," katanya.

Mengenai peluang BN di Temerloh, Najib berkata, beliau amat berpuas hati dengan jentera pilihan raya di kawasan berkenaan dan yakin BN dapat mengekalkannya dengan majoriti besar.